



International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies  
(IJWCPS)  
Universiti Sains Malaysia  
<https://ejournal.usm.my/ijwcps/>  
e-ISSN: 3030-5071  
Volume 1. Sept 2024: 137-152

Submission date: 19/07/2024 Accepted date: 03/08/2024 Published date: 01/09/2024

## **Latar Belakang Tercetusnya Perkahwinan Sesama Jantina dalam Agama Kristian: Satu Kajian Kepustakaan (*Background to the Inception of Same-Sex Marriage in Christianity: A Literature Review*)**

**Mohd Azwan Md Yasim & Muhammad Azizan Sabjan\***  
Universiti Sains Malaysia

\*Corresponding author: [mazizan@usm.my](mailto:mazizan@usm.my)

### **Abstrak**

Perkahwinan sesama jantina (PSJ) merujuk kepada pasangan yang memiliki kelamin yang sama mengikat hubungan cinta menerusi pernikahan yang dilangsungkan menurut kepercayaan agama. Mutakhir ini, PSJ semakin menjadi pilihan kepada golongan homoseksual untuk melangsungkan perkahwinan. Sehubungan dengan itu, satu kajian kepustakaan dijalankan untuk meninjau latar belakang PSJ di seluruh dunia. Hasilnya, didapati bahawa PSJ telah diiktiraf oleh 39 buah negara di dunia. Agama yang mencatatkan bilangan pasangan yang melangsungkan PSJ pula ialah daripada penganut Kristian. Sorotan kajian yang dijalankan mendapati dua faktor yang menjadi penyumbang kepada berlakunya PSJ dalam agama Kristian. Pertama, berlakunya perbezaan pentafsiran terjemahan teks Bible antara homofilia dan homofobia telah menimbulkan perselisihan pendapat dalam memutuskan kedudukan homoseksual. Kedua, berlakunya perbezaan pendekatan antara gereja homoseksual dan gereja heteroseksual mengenai PSJ. Justeru, kajian lanjutan untuk menyelidiki titik pertemuan dan percanggahan mengenai PSJ wajar dilaksanakan khususnya dalam agama Kristian untuk mengesahkan sama ada PSJ sememangnya dibenarkan dalam agama Kristian atau sebaliknya.

**Kata Kunci:** homoseksual; perkahwinan sesama jantina; homofilia; homofobia.

## Abstract

Same-sex marriage (SSM) refers to couples who have the same sex binding a love relationship through a marriage that is held according to religious beliefs. Lately, SSM has increasingly become an option for homosexuals to get married. In this regard, a literature review was conducted to review the background of SSM around the world. As a result, it was found that PSJ has been recognized by 39 countries in the world. The religion that has the highest number of couples practicing SSM is Christianity. The highlight of the study that was carried out found two factors that contributed to the enactment of SSM in Christianity. First, the different interpretations of Bible text translations between homophilia and homophobia have led to disagreements in deciding the position of homosexuals. Secondly, the different approaches between homosexual churches and heterosexual churches regarding SSM. Therefore, further studies to investigate the points of convergence and disagreement regarding PSJ should be carried out especially in Christianity to confirm whether SSM is indeed justified in Christianity or vice versa.

**Keywords:** homosexual; same-sex marriage; homophilia; homophobia.

## Pendahuluan

Perkahwinan heteroseksual ialah ikatan pernikahan antara pasangan lelaki dan perempuan. Perkahwinan seperti ini diiktiraf dan dianjurkan oleh semua agama. Perkahwinan yang berlawanan dengan perkahwinan heteroseksual pula ialah perkahwinan sesama jantina (PSJ). Perkahwinan ini dimulakan oleh pasangan yang memiliki orientasi seksual sesama jantina daripada kalangan LGBT.

PSJ merupakan perkahwinan yang bertentangan dengan asal usul kejadian manusia kerana ia diwakili oleh pasangan sesama jantina (Young, 2000; Young, 2006; Himbaza, Schenker & Edart, 2011, p.96; Priscyllia, 2022). Sekalipun bertentangan dengan konsep perkahwinan asal, perkahwinan daripada kalangan gay dan lesbian ini semakin mendapat tempat di sisi masyarakat (Keneddy dan Newcombe 2004; Perry, 2015, p. 792; Champion, Morrissey & Drazen, 2015; Gates, 2015, p. 67;). Merujuk statistik pada tahun 2020, PSJ telah diterima di 39 buah negara di seluruh

dunia (Statista, 2024). Rajah 1.1 berikut menyenaraikan negara yang mengiktiraf PSJ mengikut tahun.

**Rajah 1. Senarai Negara yang Mengiktiraf PSJ di Seluruh Dunia Mengikut Tahun**



Sumber: Statista (2024)

Merujuk Rajah 1.1, taburan negara yang mengiktiraf PSJ kebanyakannya terletak di negara yang mempunyai populasi penganut agama Kristian (Horowitz, 2020). Ia termasuklah Eropah Barat, Benua Amerika, Afrika Selatan, Benua Australia, dan New Zealand (Gates, 2015; Desilver, 2019). Pengiktirafan ini bermula sejak tahun 2001 lagi dan sehingga tahun 2020, didapati sebanyak 30 buah negara telah meluluskan PSJ.

Melihat kepada Belanda, ia merupakan negara pertama yang berjaya menjadikan PSJ setaraf dengan perkahwinan heteroseksual (Saez, 2012, p. 116; Chen & Ours, 2020). Bermula dari situ, fenomena homoseksual melangsungkan PSJ mula merebak ke serata Eropah dan Barat. Pemilihan kepada pasangan sesama jantina untuk dikahwini telah menjadi satu laluan baharu kepada homoseksual supaya dapat mengikat hubungan cinta yang lebih kukuh dan diiktiraf.

Apabila meninjau kepada situasi yang berlaku di Amerika Syarikat pula, PSJ merupakan satu isu agama yang mendapat campur tangan luar (Sherkat et al., 2011, p. 167; Colistra dan Johnson, 2019; Carpenter, 2020). Hal ini disebabkan oleh homofilia yang bertindak sebagai gerakan yang menjadi pejuang kepada homoseksual. Golongan ini sering mempengaruhi kerajaan supaya mengiktiraf PSJ. Pengaruh tersebut menyebabkan pasangan yang melangsungkan PSJ meningkat sebanyak dua hingga tiga kali ganda setiap tahun.

Sebagai contoh, jumlah pasangan PSJ yang berkahwin pada tahun 2013 dianggarkan hanya 130 000 pasangan. Namun, angka tersebut meningkat secara mendadak kepada 390, 000 pasangan pada Mac 2015 (Gates, 2015, p. 72). Sungguhpun peningkatan ini dikritik kerana melanggar peraturan agama, pasangan homoseksual masih menghadiri upacara keagamaan di gereja. Malah, sebahagian daripadanya berharap agar PSJ diiktiraf (Perry, 2015, p. 812; *Pew Research Centre*, 2019) dan dilangsungkan secara terbuka (Kurdek, 2004, 880).

Fenomena homofilia memperjuangkan PSJ di Amerika Syarikat sejajar dengan situasi yang berlaku di Kanada. Walaupun mengambil masa yang lebih lama untuk diiktiraf, sokongan homofilia terhadap PSJ di negara ini berlaku sejak tahun 1999 lagi. Perubahan terhadap pemilihan jenis pasangan untuk berkahwin seolah-olah menggambarkan bahawa PSJ

merupakan satu trend baharu dalam masyarakat (Young, 2006). Ekoran daripada itu, ia menghakis hak dan upacara perkahwinan heteroseksual yang telah diiktiraf di seluruh dunia.

Merujuk kepada situasi yang berlaku di negara-negara besar, ia jelas memberi tamparan hebat kepada institusi agama. Pasti nya institusi ini perlu meningkatkan peranan untuk sedarkan penganut memandangkan perkahwinan adalah ritual suci agama. Pendekatan melalui aspek keagamaan diyakini mampu mempengaruhi pandangan individu terhadap baik atau buruk perlakuan seks sesama jantina (Webb & Chonody, 2013, p. 407; Bradshaw et al., 2015, p. 313; Perry & Whitehead, 2016; Scheitle & Wolf, 2017; Parales, Bouma & Campbell, 2018, p. 18; Mohd Izzat et al., 2018, p. 20; Colistra & Johnson, 2019; dan Escue & Cochran, 2020, p. 400).

Bagi memenuhi hasrat ini, institusi agama dilihat bertanggungjawab untuk mencari langkah yang berkesan dalam menangani PSJ. Pendekatan yang tepat untuk mengatasi perubahan ini perlu dilakukan supaya homofilia tidak menjadi pencetus kepada berlakunya perubahan dalam meneruskan adat istiadat dalam beragama. Kegagalan institusi agama dalam menangani PSJ daripada kalangan penganut mencerminkan bahawa pendekatan sedia ada tidak berupaya memulihkan semula konsep perkahwinan sebenar.

Merujuk kepada senarai negara yang mengiktiraf PSJ dan peningkatan jumlah pasangan yang melangsungkan PSJ, dapat dinyatakan bahawa ia dimonopoli oleh agama Kristian. Merujuk kepada dapatan pengkaji-pengkaji seperti Stahlberg (2008, p. 446), Sherkat, Vries dan Creek (2010, p. 82), Sherkat et al. (2011, p. 168), Perry (2015, p. 793), Whitehead dan Perry (2015, p. 4) dan Escue dan Cochran (2020, p. 400), mereka mendapati PSJ didahului oleh Protestan, Katolik dan Yahudi.

Apabila menyusuri sejarah Kristian, perspektif terhadap PSJ berubah seiring dengan perkembangan sosial. Pada 240 tahun yang lalu, PSJ tidak diterima di mana-mana negara dunia (Saez, 2012, p. 115). Namun, sedikit demi sedikit perubahan berlaku daripada menentang kepada menyokong. Contohnya Kanada, pada tahun 1960 gereja masih menolak hubungan sesama jantina. Namun, sekitar tahun 1984 persatuan gereja di Kanada mula sepakat untuk terima semua kegiatan seks. Ia termasuklah daripada

kalangan homoseksual yang ingin melangsungkan perkahwinan menyebabkan ia sekali gus menghentikan diskriminasi kepada mereka.

Lanjutan itu, persatuan gereja Kanada mengeluarkan prosedur khusus pada tahun 1992 untuk menguruskan upacara PSJ. Pada tahun 2005, PSJ berjaya mendapat pengiktirafan dalam undang-undang perkahwinan Kanada (Young, 2006). Sejak itu, banyak gereja homoseksual mula melangsungkan upacara PSJ. Contoh gereja yang mengalu-alukan pasangan sesama jantina untuk berkahwin adalah Persatuan Unitarian Universalist, United Church of Canada (Siker, 2007, p. 13), Gereja United Church of Christ (Yarhouse, 2007) dan Metropolitan Community Church (Young, 2000).

Jika beralih ke gereja di England, kira-kira 16 000 gereja masih mengadakan majlis perkahwinan mengikut tradisi. Ia dilakukan seperti yang termaktub dalam Kanun B 30 bahawa perkahwinan mesti terdiri daripada seorang lelaki dan seorang wanita. Namun, perubahan besar-besaran berlaku pada 2017 sehingga PSJ mula dibenarkan di gereja. Ia bersangkutan daripada campur tangan luar di samping mendapat sokongan paderi sendiri iaitu Alan Wilson yang bertugas sebagai Bishop di Buckingham. Beliau meminta gereja di England membenarkan paderi mengahwinkan pasangan sesama jantina (Smith, 2019).

Susulan daripada keputusan tersebut, ia memberi peluang kepada homofilia yang lebih progresif. Golongan ini mengambil kesempatan untuk mendesak gereja-gereja lain turut membenarkan PSJ dilangsungkan. Bagi menarik sokongan daripada penganut Kristian, homofilia menjadikan terjemahan teks daripada Bible sebagai batu loncatan untuk mengembangkan ideologi yang dibawa. Pentafsiran semula terjemahan teks-teks Bible untuk membenarkan PSJ merupakan satu tindakan yang perlu diberi perhatian.

Hal ini kerana homofilia didapati mempunyai kecenderungan untuk memanipulasikan teks Bible dan mengubahsuai peraturan yang termaktub dalam agama Kristian (Sherkat, Vries, dan Creek, 2010, p. 82; Lee dan Hick, 2011; Whitehead dan Perry, 2015, p. 3; dan Bratton, Lytle dan Bensel, 2019, p. 24). Mereka mula menimbulkan keraguan terhadap teks-teks Bible memandangkan kandungannya telah bercampur dengan sumber

luar (Ellen, Capps dan Rollins, 2006, p. 126; Perry, 2015, p. 10; dan Whitehead dan Perry, 2015, p. 3). Justeru, teks-teks Bible dibahasakan semula dengan adunan baharu supaya seks sesama jantina dibenarkan dalam agama Kristian.

Sebagai contoh, Swartley (2003, p. 18), Myers dan Scanzoni (2005, 84-85;47), Thatcher (2011, p. 163), Vines (2014) dan Jarosz (2022) mendapati teks Perjanjian Lama tidak membahasakan dengan jelas mengenai larangan kegiatan seks sesama jantina atau hubungan homoseksual yang berlaku pada zaman ini. Namun, larangan seks sesama jantina dalam Bible hanya tertumpu kepada peristiwa kaum terdahulu yang menyembah berhala, keganasan rogol, nafsu serakah, eksploitasi manusia dan pergaulan bebas. Selari dengan Swartley (2003, p. 35), Stahlberg (2008, p.450 dan 459) dan Jarosz (2022) yang mendapati larangan seks sesama jantina disebabkan adanya unsur penyembahan seperti yang dilakukan oleh orang Kanaan. Mereka didapati melakukan seks sesama jantina untuk sempurnakan ritual penyembahan Dewa Ba'al dan Astarte.

Selain itu, homofilia turut menguatkan hujah untuk membenarkan seks sesama jantina dengan menggunakan teks-teks seperti sayang sesama manusia (Myers dan Scanzoni, 2005; Stahlberg, 2008, p. 448; Brownson, 2013, p. 119; Vines, 2014; Gates, 2015, p. 79; dan Scheitle dan Wolf, 2017), dan keadilan (Hanigan, 1998; Young, 2000; Young, 2006; dan Webb dan Chonody, 2013, 406) bagi meyakinkan penganut agama Kristian yang lain supaya mewajarkan PSJ.

Berikutan tiada larangan yang jelas dalam Bible, homofilia turut menganggap seks sesama jantina merupakan perilaku yang dapat mendisiplinkan diri. Hubungan seks sesama jantina dikatakan membantu penganut untuk melaksanakan perintah agama dan menjadi insan yang bermoral (Ellens, Capps dan Rollins, 2006, p. 104-106). Dakwaan seperti ini menjadi alasan kepada homofilia untuk mempertikaikan bukti yang dijelaskan dalam Bible. Malah, pendekatan memperdebatkan teks-teks seks sesama jantina didapati berjaya menggugat keyakinan penganut supaya menerima PSJ.

Bagaimanapun, pentafsiran terjemahan teks menurut homofilia mendapat reaksi yang berbeza daripada kalangan homofobia. Golongan ini

berpandangan bahawa homofilia telah melakukan kesilapan dalam mentafsirkan teks Bible (Yesaya dan Sonny, 2022). Homofobia yang dilihat lebih konservatif mempunyai pendirian yang konsisten untuk mempertahankan perkahwinan heteroseksual sebagai satu ikatan yang eksklusif (Lee dan Hick, 2011, p. 1402; Sherkat et al., 2011, p. 167; Krista, 2014, p. 151; Amoah dan Razak, 2016, p. 3; Spaulding, 2018, p. 28; dan Bratton, Lytle dan Bensel, 2019, p. 24).

Hal ini kerana PSJ yang diwakili oleh pasangan homoseksual didapati menyalahi konsep perkahwinan dalam agama Kristian (Young, 2000; Stahlberg, 2008, p. 445 dan 462; Himbaza, Schenker dan Edart, 2011, p. 42, 131; Sherkat et al., 2011, p. 168; Mohler, 2014; Whitehead dan Perry, 2015, p. 434; dan Britannica, 2019). Larangan ini jelas termaktub dalam Bible (Stahlberg, 2008, p. 449; Mohler, 2014; dan Perry 2015, p. 811). Tambahan pula, seks sesama jantina adalah sesat dan berdosa (Bullough, 1979, p. 17; Bratton, Lytle dan Bensel, 2019).

Apabila merujuk kepada teks Bible, penganut Kristian akan menemui jawapan bahawa perkahwinan hanya layak dilangsungkan oleh pasangan heteroseksual (Stahlberg, 2008, p. 446; Krista, 2014, p. 152). Tambahan pula, tiada pernyataan khusus yang membenarkan perilaku seksual sesama jantina sekali gus menjadi tanda tanya PSJ dibenarkan dalam agama Kristian (Yesaya dan Sonny, 2022). Justeru, PSJ tidak wajar dibenarkan kerana homoseksual sebenarnya telah menyimpang daripada sifat semula jadi yang ditetapkan oleh Tuhan dalam membina rumah tangga (Verloo, 2015; Siti Maryam, 2022).

Sehubungan dengan itu, homofobia setuju bahawa PSJ merupakan ikatan yang tidak sah dan menyalahi tujuan asal perkahwinan. Perkahwinan seperti ini perlu ditolak kerana menyatukan pasangan yang tidak sepadan. Penyatuan ini hanya akan mendatangkan perpecahan sesama penganut kerana sebilangan besar gereja masih mempertahankan perkahwinan heteroseksual (Jordan, Sweeney dan, Mellot, 2006, pp. 112).

Contoh gereja yang masih mempertahankan perkahwinan heteroseksual dan menentang PSJ dilangsungkan ialah Gereja Roma Katolik, Evangelical Fellowship of Canada (Siker, 2007, p. 13 dan 112), Gereja Presbyterian di Kanada, Salvation Army, dan Pentecostal Assemblies.



Gereja yang paling menonjol menentang PSJ pula adalah Anglican Canada (Young, 2006), National Association of Evangelicals (Spaulding, 2018, p. 29), Protestan Evangelis (Siker, 2007, p. 112; Whitehead dan Perry, 2015, p. 15), Unitarian Universalist Association, United Church of Christ (Sherkat et al., 2011, p. 168; dan Krista, 2014, p. 150) dan Evangelical Lutheran Church of Finland (ELCF) (Mikkola, 2020).

## **Perbincangan**

Merujuk kepada situasi yang sedang berlaku dalam agama Kristian, dapat diungkapkan bahawa homofilia dan homofobia saling mempunyai kata sepakat untuk menjadikan teks Bible sebagai rujukan utama dalam mengamalkan cara hidup Kristian (Stahlberg, 2008, p. 471; Vines, 2014). Ia adalah kitab yang perlu dipelajari secara langsung dan tidak boleh diketepikan (Brownson, 2013, p. 261). Namun, perbezaan pentafsiran terjemahan teks Bible telah menimbulkan perselisihan pendapat dalam memutuskan kedudukan homoseksual.

Hal ini kerana homofilia menjadikan teks Bible sebagai hujah untuk membela homoseksual melangsungkan PSJ. Pada masa yang sama, homofobia turut menjadikan teks Bible sebagai hujah untuk mempertahankan perkahwinan heteroseksual. Kedua-dua kelompok ini saling memiliki hujah untuk memperjuangkan ideologi masing-masing (Jordan, Sweeney dan Mellot, 2006, p. 27; Yarhouse, 2007; Stahlberg, 2008, p. 445).

Perbezaan dalam menterjemahkan teks Bible ini menjadi semakin runcing apabila berlakunya pendekatan yang tidak sehaluan antara gereja homoseksual dan gereja heteroseksual mengenai PSJ. Perbezaan ini terbukti apabila gereja homoseksual telah memberi kebebasan untuk melangsungkan PSJ. Sebaliknya, gereja heteroseksual pula masih lagi menutup peluang kepada pasangan homoseksual kerana ia sememangnya termaktub dalam ajaran agama Kristian (Young, 2000; Vines, 2014).

Walaupun pihak yang membela PSJ dan pihak yang menentangnya menjadikan Bible sebagai sumber rujukan, perbezaan pendekatan mengenai PSJ mengakibatkan berlakunya perpecahan dalam kalangan penganut. Pendapat ini disokong Jordan, Sweeney dan Mellot (2006, p.

122) yang mendapati pendekatan gereja yang tidak sehaluan telah menggugat kredibiliti institusi agama Kristian.

## Kesimpulan

Sehubungan itu, satu kajian perlu dilakukan untuk mengkaji PSJ menurut perspektif agama Kristian. Kajian ini penting supaya perselisihan yang berlaku dapat ditangani dengan sebaiknya. Hal ini kerana perubahan arus konsep perkahwinan dilihat makin mendesak dalam agama Kristian. Apabila perkembangan PSJ gagal ditangani, ia berpotensi untuk menggugat agama-agama lain. Lebih-lebih lagi dalam konteks negara dan masyarakat yang berbilang agama seperti Malaysia.

Oleh itu, kajian lanjutan untuk menyelidiki dan mengkaji titik pertemuan dan percanggahan mengenai PSJ wajar dilaksanakan. Keperluan untuk menjalankan ini selari dengan saranan Himbaza, Schenker dan Edart (2011), Verloo (2015), Zuraidah dan Lee, (2018, p. 316), dan Olsen dan Thuen (2022) yang menganjurkan supaya perbanyakkan lagi kajian untuk merungkai konflik PSJ yang berlaku menurut perspektif agama Kristian. Selari dengan dasar kerajaan Malaysia yang menentang homoseksual (Ananthalakshmi dan Chow, 2018; Siti Amirah, Hanisah & Farawahida, 2020, p. 71), hasil penyelidikan ini dapat menyediakan hujah-hujah rasional dan kukuh terhadap mana-mana pihak yang menggunakan platform agama untuk memberi galakan kepada golongan homoseksual melangsungkan PSJ.

## Rujukan

- Amoah, P. A., & Razak, M. G. (2016). Social institutions and same-sex sexuality: Attitudes, perceptions and prospective rights and freedoms for non-heterosexuals. *Cogent Social Science*, 1-12.
- Ananthalakshmi, & Chow, E. (2018, September 21). Malaysia cannot accept same-sex marriage, says Mahathir. Retrieved from <https://www.reuters.com/article/us-malaysia-lgbt-idUSKCN1M10VA>

- Bradshaw, W. S., Heaton, T. B., Decoo, E., Dehn, J. P., Galliher, R. V., & Crowell, K. A. (2015). Religious experiences of LGBTQ Mormon males. *Journal for the Scientific Study of Religion*, 54(2), 311-329.
- Bratton, T. M., Lytle, R., & Bense, T. T. (2019). Attitudes of Muslim American toward homosexuality and marriage equality: Moving beyond simply understanding Christian public opinions. *Sociology Inquiry*, 1-29.
- Britannica, E. (2019). Same-sex marriage. In *Britannica*. Retrieved from <https://www.britannica.com/topic/same-sex-marriage>
- Brownson, V. J. (2013). *Bible, gender, sexuality: Reframing the church's debate on same-sex relationships*. Cambridge: Wm. B. Eerdmans Publishing Co.
- Bullough, V. L. (1979). *Homosexuality: A history (from ancient Greece to gay liberation)*. United States of America: Garland STPM Press and New American Library.
- Campion, E. W., Morrissey, S., & Drazen, J. M. (2015). In support of same-sex marriage. *The New England Journal of Medicine*.
- Carpenter, C. S. (2020). The direct effects of legal same-sex marriage in the United States: Evidence from Massachusetts. Nashville: Department of Economics, Vanderbilt University.
- Chen, S., & Ours, J. C. (2020). Symbolism matters: The effect of same-sex marriage legalization on partnership stability. *Journal of Economic Behavior and Organization*, 44-58.
- Colistra, R., & Johnson, C. B. (2019). Framing the legalization of marriage for same-sex couples: An examination of news coverage the U.S. Supreme Court's landmark decision. *Journal of Homosexuality*, 1-23.
- Ellens, J. H., Capps, D., & Rollins, G. W. (2006). *Sex in the Bible: A new consideration*. London: Praeger.

- Escue, M., & Cochran, J. K. (2020). Religion, prejudicial beliefs toward sexual minorities and same-sex marriage: Hate the sin but love the sinner. *Sociological Focus*, 399-410.
- Gates, G. J. (2015). Marriage and family: LGBT individuals and same-sex couples. *The Future of Children*, 67-87.
- Hanigan, J. P. (1998). The centrality of marriage: Homosexuality and the Roman Catholic argument. *The Ecumenical Review*, 54-63.
- Himbaza, I., Schenker, A., & Edart, J. B. (2011). *The Bible on the question of homosexuality*. Washington D.C.: The Catholic University of America Press.
- Horowitz, J. (2020). Pope Francis, in shift for church, voices support for same-sex civil unions. Retrieved from The New York Times: <https://www.nytimes.com/2020/10/21/world/europe/pope-francis-same-sex-civil-unions.html>
- Jarosz, I. (2022). Homosexuality in Leviticus: A historical-literary-critical analysis. *James Madison Undergraduate Research Journal*, 9(2), 33-43.
- Jordan, M. D., Sweeney, M. T., & Mellot, D. M. (2006). *Authorising marriage? Canon, tradition, and critique in the blessing of same-sex unions*. New Jersey: Princeton University Press.
- Kennedy, D. J., & Newcombe, J. (2004). *What's wrong with same-sex marriage?* Illinois: Crossway Books.
- Krista, M. Q. (2014). We are God's children, y'all: Race, gender, and sexuality in lesbian- and gay-affirming congregations. *Social Problems*, 56(1), 151-173.
- Kurdek, L. A. (2004). Are gay and lesbian cohabiting couples really different from heterosexual married couples? *Journal of Marriage and Family*, 880-900.

- Lee, T. T., & Hicks, G. R. (2011). An analysis of factors affecting attitudes toward same-sex marriage: Do the media matter? *Journal of Homosexuality*, 58, 1391-1408.
- Mikkola, S. (2020). Luther, same-sex marriage, and the Evangelical-Lutheran Church of Finland: A gender-sensitive historical analysis. *Journal of Religion*, 11(48).
- Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, M. S. (2018). Salah laku LGBT dalam perundangan Malaysia: Undang-undang sebagai mekanisme pembanterasannya dan kawalan [Misconduct of LGBT in Malaysian law: Law as the mechanism of obliteration and control]. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Science*, 19-34.
- Mohler, R. A. (2014). *God and the gay Christian? A response to Matthew Vines*. Louisville: SBTS Press.
- Myers, D. G., & Scanzoni, L. D. (2005). *What God has joined together? A Christian case for gay marriage*. Perfectbound.
- Olsen, R. Z., & Thuen, F. (2022). Same-sex marriage over 26 years: Marriage and divorce trends in rural and urban Norway. *Journal of Family History*, 1-13.
- Perry, S. L. (2015). Bible beliefs, conservative religious identity, and same-sex marriage support: Examining main and moderating effects. *Journal for the Scientific Study of Religion*, 54(4), 792-813.
- Perry, S. L., & Whitehead, A. L. (2016). Religion and public opinion toward same-sex relations, marriage, and adoption: Does the type of practice matter? *Journal for the Scientific Study of Religion*, 1-15.
- Pew Research Center. (2019). Views about same-sex marriage among Christians. Retrieved from Religion & Public Life: <https://www.pewforum.org/religious-landscape-study/christians/christian/views-about-same-sex-marriage/>

- Parales, F., Bouma, G., & Campbell, C. (2018). Religion, support of equal rights for same-sex couples, and the Australian national vote on marriage equality. *Sociology of Religion: A Quarterly Review*, 1-23.
- Priscyllia, F. (2022). Perkahwinan sejenis dalam hukum kodrat di Indonesia. *Jurnal Jatiswara*, 37(2), 152-162.
- Saez, M. (2012). *Same sex marriage*. Washington DC: Springer Science+Business.
- Scheitle, C. P., & Wolf, J. K. (2017). The religious origins and destinations of individuals identifying as a sexual minority. *Sexuality & Culture*.
- Sherkat, D. E., Vries, K. M., & Creek, S. (2010). Race, religion, and opposition to same-sex marriage. *Social Science Quarterly*, 80-98.
- Sherkat, D. E., Williams, M. P., Maddox, G., & Vries, K. M. (2011). Religion, politics, and support for same-sex marriage in the United States, 1988-2008. *Social Science Research*, 167-180.
- Siker, J. S. (2007). *Homosexuality and religion*. London: Greenwood Press.
- Siti Amirah, A. A. R., Hanisah, A. R., & Farawahida, M. Y. (2020). Transgender di Malaysia. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 67-77.
- Siti Maryam. (2022). Homoseksualitas: Pelanggaran terhadap fitrah kemanusiaan (studi komparasi kitab al-Qur'an dan Alkitab). *Journal of Islamic Studies and Humanities*, 3(2).
- Smith, C. (2019). The Church of England and same-sex marriage: Beyond a rights-based analysis. *Ecclesiastical Law Journal*, 21(2), 153-178.

- Stahlberg, L. C. (2008). Modern day Moabites: The Bible and the debate about same-sex marriage. *Biblical Interpretation*, 442-475.
- Spaulding, C. (2018). Evangelical Christian crisis responses to same-sex sex scandals. *Journal of Media and Religion*, 28-40.
- Statista. (2024, February 16). Where gay marriage is legal. Retrieved from Gay Marriage: <https://www.statista.com/chart/3594/the-countries-where-gay-marriage-is-legal/>
- Swartley, W. M. (2003). *Homosexuality: Biblical interpretation and moral discernment*. Scottsdale, Pennsylvania: Herald Press.
- Thatcher, A. (2011). *God, sex, and gender: An introduction*. West Sussex, United Kingdom: Wiley-Blackwell.
- Vines, M. (2014). *God and the gay Christian: The biblical case in support of same-sex relationship*. United States: Convergent Books.
- Verloo, M. (2015). Religion, church, intimate citizenship and gender equality: An analysis of differences in gender equality policies in European Catholic countries. *International Multidisciplinary Journal*, 3(1).
- Webb, S. N., & Chonody, J. (2013). Heterosexual attitudes toward same-sex marriage: The influence of attitudes towards same-sex parenting. *Journal of LGBT Family Studies*, 404-421.
- Whitehead, A. L., & Perry, S. L. (2015). A more perfect union? Christian nationalism and support for same-sex unions. *Gender & Sexuality*, 58(3), 422-440.
- Wolf, C. P. (2017). The religious origins and destinations of individuals identifying as a sexual minority. *Sexuality & Culture*.
- Yarhouse, M. A. (2007). The many meanings of marriage: Divergent perspectives seeking common ground. *Journal of Family Ministry*, 15(1), 36-45. <https://doi.org/10.1177/1066480706294047>.

- Yesaya, B. E., & Sonny, E. Z. (2022). Mengkritisi perilaku homoseksual dalam perspektif teologi Kristen. *Jurnal Ilmiah Teologi*.
- Young, P. D. (2006). Same-sex marriage and the Christian churches in Canada. *Canadian Corporation for Studies in Religion*, 35(1), 3-23.
- Young, P. D. (2000). Same-sex relationships, religious traditions, marriage, and the law. *Canadian Corporation for Studies in Religion*, 465-480.
- Zuraidah, A., Che Zarina, S., & Lee, W. C. (2018). Transgenderisme di Malaysia: Pelan bimbingan kembali kepada fitrah dari perspektif psikospiritual Islam. *Afkar*, 279-322.